

DEXALTIN ORAL PASTE

Dexamethasone (1mg/g)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dexaltin
2. Bagaimana Dexaltin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Dexaltin
4. Cara menggunakan Dexaltin
5. Semasa menggunakan Dexaltin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dexaltin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dexaltin

Dexaltin (*Dexamethasone*) digunakan untuk rawatan *stomatitis* (radang di dalam mulut) sukar dikawal atau *glositis* (keradangan lidah) yang berkaitan dengan hakisan atau ulser.

Bagaimana Dexaltin berfungsi

Dexamethasone adalah sejenis kortikosteroid yang mencegah pelepasan bahan-bahan dalam tubuh yang menyebabkan keradangan.

Sebelum menggunakan Dexaltin

- Bila tidak boleh menggunakan

Anda tidak boleh menggunakan ubat ini jika anda alah kepada dexamethasone, atau jika anda mempunyai jangkitan kulat di mana-mana sahaja pada tubuh anda.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Dexaltin jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil Dexaltin jika anda sedang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum mula mengambil

Sebelum anda mula menggunakan ubat ini, beritahu doktor anda jika:

- Anda mempunyai sebarang masalah kesihatan lain

- Anda mempunyai tekanan yang luar biasa, seperti penyakit yang serius, demam atau jangkitan, atau jika anda

baru menjalani pembedahan atau kecemasan perubatan.

- Anda berniat untuk mengambil sebarang vaksin semasa rawatan anda dengan ubat ini.

- Anda mempunyai apa-apa penyakit atau jangkitan dalam beberapa minggu sebelum ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Dexaltin

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda

mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan Dexaltin

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Dexaltin.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Dexaltin dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Elakkan berada berhampiran orang yang sakit atau mempunyai jangkitan.

Elakkan minum alkohol semasa anda mengambil *dexamethasone*.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Dexaltin boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Tiada kesan sampingan yang serius timbul daripada penggunaan kecuali pemberhentian penggunaan dari seorang pesakit yang mengadu kebas pada bahagian penggunaan ubat ini.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web np.ra.moh.gov.my (Consumers -> Reporting -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

Tarikh kemaskini RiMUP
22/02/2019

Nombor Siri
NPRA(R2/1)190222/58

Cara penyimpanan dan pelupusan Dexaltin

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dalam bekas tertutup ketat. dibawah suhu 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Putih, salap halus, boleh dikatakan tidak berbau.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Dexamethasone

- Bahan tidak aktif

Hydrocarbon Gel, Sodium

Polyacrylate, Liquid Paraffin

- Nombor MAL

MAL17015024ACRZ

Pengilang

Teika Pharmaceutical Co., Ltd
3-27, Arakawa 1-chome, Toyama-shi
Toyama, 930-0982
Japan

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaforte (M) Sdn Bhd
2, Jalan PJU 3/49,
Sunway Damansara,
47810 Petaling Jaya,
Selangor